

Sejarah peribumi di Borneo Utara semasa Zaman Kesultanan Brunei: satu kajian literatur

ABSTRACT

Penulisan dari barat dan tempatan yang menyentuh berkenaan sejarah peribumi di Borneo Utara mestilah merujuk kembali kepada sejarah Brunei. Hal ini kerana Kesultanan Brunei merupakan pemerintahan terawal sebelum kedatangan kuasa Barat. Dalam hal ini, terdapat beberapa penulis barat seperti Spenser, Rutter, Leys, Black, Treacher, Tarling, Warren, Evans, Sweeney dan Sather yang melakukan penulisan terawal mengenai sejarah peribumi di Borneo Utara pada zaman kesultanan Brunei. Namun begitu, penulisan mereka hanyalah bersifat deskriptif dan data kajian berat sebelah hanya berdasarkan pemerhatian semata-mata. Walaupun pemikiran mereka tidak bersifat lokal sentrik, ia memberikan hasil dapatan kajian yang sangat berbeza serta tidak patut diketengahkan lagi. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa penulis tempatan seperti Hasbol, Ranjit dan Abdul Rahman adalah penting dalam kajian peribumi di Borneo Utara lebih-lebih lagi, pada zaman Kesultanan Brunei mereka cuba mengangkat sejarah tempatan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan mengenai fakta yang boleh diubah mengenai sejarah peribumi mengikut sentrik, fakta luaran, fakta dalaman, kritikan luaran dan kritikan dalaman. Walaupun penulisan barat bersifat berat sebelah, tetapi ia memberi impak kepada penulisan tempatan untuk mencari persoalan tentang sejarah peribumi di Borneo Utara. Dengan itu, maka wujudlah kelompangan penulisan dan pengkaji akan datang dapat menilai dengan lebih kritis. Oleh itu, penulisan tempatan perlulah mengambil peranan dalam mengisi kelompangan akan datang, untuk mencari penemuan baru agar ia dapat mengurangkan perbezaan pandangan di antara penulis dari barat dan tempatan supaya tidak bersifat berat sebelah. Makalah ini bertujuan melihat perbandingan di antara penulisan dari barat dan penulisan tempatan mengenai sejarah peribumi pada zaman Kesultanan Brunei di Borneo Utara.